

Untung bersih cecah RM2,000 sebulan

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@
bh.com.my

■ Serdang

Bermula dengan hanya menjual mi segera dan minuman campuran di kolej kediaman ketika mengikuti program asasi, Ahmad Said Nursi Khairul Anwar, 20, kini boleh berbangga dengan perniagaan percetakannya yang mampu meraih untung bersih hingga RM2,000 sebulan.

Syarikat 'Green Print' milik pelajar program Bachelor Sains Pertanian di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu menyediakan pelbagai perkhidmatan percetakan, termasuk untuk panji, baju, pelekat, cenderahati dan papan tanda.

"Harga yang saya tawarkan juga berpatutan memandangkan kebanyakan pelanggan terdiri

daripada pelajar. Sebagai contoh, harga promosi baju hanya RM9.90 sehelai tetapi dengan tempahan minimum 100 helai.

"Saya turut menawarkan perkhidmatan 'binding', 'scanning', fotostat dan cetakan digital. Lazimnya, pelajar ada kuliah di sekitar sini (Kompleks Mahasiswa UPM) yang mahu mencetak kertas kerja atau tugas, akan menggunakan perkhidmatan saya kerana dapat menjimatkan kos pengangkutan.

Rekaan menarik

"Cetakan hitam putih hanya 10 sen satu muka, manakala berwarna pula 30 sen hingga RM2 bergantung kepada jumlah warna digunakan," katanya.

Bagi memastikan perkhidmatan diberi memuaskan, beliau yang lebih senang disapa panggilan Said sentiasa menitikberatkan aspek rekaan berkualiti dan menarik dalam memenuhi tempahan pe-



langgannya. Sehubungan dengan itu untuk mempelbagaikan rekaan yang ditempah pelanggan, beliau mengubah lapan pekerja sambil sendiri daripada pelajar UPM di kios Kompleks Mahasiswa.

"Bayaran kepada mereka biasanya ditentu berdasarkan rekaan dihasilkan dan

“
BAYARAN KEPADA MEREKA BIASANYA DITENTU BERDASARKAN REKAAN DIHASILKAN DAN KOS PROJEK, IAITU ANTARA RM50 HINGGA RM500 UNTUK SETIAP REKAAN”


kos projek, iaitu antara RM50 hingga RM500 untuk setiap rekaan. Selain itu, saya juga menerima pandangan atau permintaan pelanggan jika mahu kami menghasilkan suatu berlainan daripada yang dicadangkan," katanya.

Buka cawangan

Anak kelahiran Nilai, Negeri Sembilan itu berkata, Pusat Kokurikulum Dan Pembangunan Pelajar (CSDC) UPM banyak membantu beliau memajukan perniagaannya dengan memberi latihan serta pendedahan dalam bidang keusahawanan.

Beliau berkata, pusat itu membimbing pelajar supaya berniaga secara serius, termasuk mendaftarkan perniagaan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), di samping menganjurkan bengkel keusahawanan.

"Selepas mendapat pendedahan daripada CSDC dan perniagaan semakin stabil, kini saya yakin untuk membuka cawangan baharu di institusi pengajian tinggi lain di sekitar Bangi apabila tamat pengajian nanti," katanya.



Said memantau rekaan yang dilakukan pekerjaanya.